

08 JUN 2002

Samy Vellu-Seniman (Bergambar)

PESTA KEBUDAYAAN INDIA MALAYSIA OGOS INI

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Pesta Kebudayaan India Malaysia yang julung kali diadakan di negara ini akan berlangsung pada 24 Ogos ini.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, pesta yang akan diadakan secara besar-besaran ini adalah sempena sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos.

Pesta itu akan dianjurkan oleh Yayasan Seniman India Malaysia dan ramai artis tempatan berketurunan India akan mengambil bahagian, Samy Vellu yang juga pengerusi tetap yayasan itu.

Beliau berkata sempena pesta itu, hadiah penghargaan akan diberikan kepada artis-artis yang banyak menyumbang kepada pembangunan kebudayaan India manakala seorang daripada mereka akan dipilih sebagai "artis of the year".

"Selain memajukan kebudayaan masyarakat India di Malaysia, pesta ini juga sebagai pengiktirafan kepada golongan seniman yang menyumbang kepada pembangunan kebudayaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung kedua yayasan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Yayasan itu dilancarkan pada 20 Feb, 2001, bagi menyatukan masyarakat seniman India Malaysia serta menjaga kebajikan mereka dan menggilap bakat-bakat baru. Setakat ini yayasan itu mempunyai 421 anggota di seluruh negara.

Samy Vellu, yang juga presiden MIC berkata, kini para anggota yayasan mendapat perlindungan insurans dan yayasan itu bercadang mempromosikan lagu-lagu Tamil tempatan, menghasilkan rakaman album lagu-lagu Tamil, memajukan drama Tamil serta berusaha mendapatkan pengecualian cukai daripada kerajaan untuk mereka yang menderma untuk yayasan itu.

Pada perkembangan lain, Samy Vellu berkata, pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II di Vatican City semalam merupakan satu peluang penting untuk Perdana Menteri bagi menerangkan pelbagai isu penting dunia.

Menurutnya, Perdana Menteri merupakan pemimpin negara Islam yang pertama dari rantau ini, diundang berjumpa dengan Pope John Paul dan beliau percaya peluang itu telah digunakan oleh Perdana Menteri bagi menerangkan pendapat Malaysia termasuk yang membabitkan isu Palestin.

-- BERNAMA

RV AFY MOZ